

05 OCT 1999

Sukan-Asia

SUKAN ASIA: INDONESIA TARIK DIRI, SOKONG MALAYSIA JADI TUAN RUMAH

JAKARTA, 5 OKT (Bernama) -- Indonesia memohon untuk menarik diri daripada pencalonan sebagai tuan rumah Sukan Asia 2006 bagi memberi laluan kepada Malaysia, demikian menurut Menteri Belia dan Sukan, Agung Laksono.

Beliau berkata keputusan itu dicapai pada mesyuarat Kabinet minggu lepas.

Dalam laporan akhbar harian Media Indonesia, Agung dipetik sebagai berkata bahawa Presiden B J Habibie mahu Indonesia menyokong usaha Malaysia, sebagai anggota ASEAN, mendapat penghormatan sebagai tuan rumah kejohanan itu.

Beliau berkata Malaysia menonjol dalam arena sukan setelah kejayaan mengurus Sukan Komenwel pada tahun lepas dan kini berada dalam keadaan sedia bagi menghadapi temasya antarabangsa itu.

Menurutnya Indonesia memberi sokongan kepada Malaysia kerana negara jirannya itu adalah yang paling gigih membela Indonesia di arena diplomasi antarabangsa.

Agung berkata beliau dan pemimpin Majlis Sukan Indonesia (KONI) akan ke Kuala Lumpur tidak lama lagi untuk bertemu Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyatakan sokongan rasmi kerajaan Indonesia itu.

Pengerusi KONI Pusat Wisaroyo Arismunana ketika dihubungi berkata bahawa pihaknya tidak lagi berminat untuk menjadi tuan rumah sukan itu.

"Tentunya kita tidak menarik diri begitu saja melainkan dengan harapan agar negara tuan rumah dapat memasukkan acara sukan di mana Indonesia berpeluang meraih pingat," katanya.

Malaysia dan Indonesia merupakan dua negara ASEAN yang berminat menjadi tuan rumah sukan terbesar Asia itu, di samping Qatar, Syria dan India.

Pencalonan Malaysia diumumkan ketika berlangsungnya Sukan Asia di Bangkok, Thailand tahun lalu.

Indonesia pula mengumumkan usahanya pada Sukan SEA di Brunei Ogos lalu.

-- BERNAMA

OPP NAK